

FAQ:

**PENGURUSAN PERSARAAN
LEMBAGA HASIL DALAM
NEGERI MALAYSIA**

SOALAN LAZIM PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN WAJIB		
1.	Bilakah dokumen persaraan perlu dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Insan (JPI)?	Dokumen persaraan perlu dimuatnaik ke Modul Pemisah Sistem Pengurusan Insan (SPI) tiga (3) bulan sebelum tarikh kuat kuasa persaraan pegawai. Dokumen <i>hardcopy</i> tidak perlu dihantar kepada JPI.
2.	Adakah pegawai yang akan bersara wajib, tetapi mempunyai kes tatatertib yang masih belum selesai layak menerima bayaran Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP) dan Gantian Cuti Rehat(GCR)?	<p>Layanan kepada pegawai yang akan bersara wajib tetapi mempunyai kes tatatertib adalah seperti berikut:</p> <p>i. Bagi kes tatatertib di bawah Peraturan 39, pegawai boleh meneruskan proses persaraan dan layak menerima STP dan GCR; manakala</p> <p>ii. Bagi kes tatatertib di bawah Peraturan 40, proses persaraan dan kelayakan bayaran STP dan GCR pegawai adalah tertakluk kepada keputusan prosiding tatatertib. Prosiding tatatertib yang berkeputusan buang kerja tidak melayakkan pegawai untuk bersara dan menerima bayaran STP dan GCR.</p>
3.	Apakah peranan dan tanggungjawab seorang bakal pesara?	<p>Bakal pesara perlu melaksanakan tindakan berikut:</p> <p>i. Memastikan borang dan dokumen persaraan diisi dengan lengkap dan ditandatangani; dan</p> <p>ii. Mengemukakan borang berkenaan kepada Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan masing-masing untuk dimuatnaik ke dalam Modul Pemisah SPI.</p>

SOALAN LAZIM PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN WAJIB		
4.	Apakah peranan dan tanggungjawab Unit Pentadbiran?	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengemaskini Buku Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai; ii. Memastikan bakal pesara telah melengkapkan dan menandatangani borang persaraan; dan iii. Memuatnaik borang berkenaan ke dalam Modul Pemisah SPI tiga (3) bulan sebelum tarikh persaraan.
5.	Adakah pihak pentadbiran Jab / Neg / Caw / CSi boleh mengemukakan dokumen persaraan sekiranya Sijil Penyelesaian Cukai (SPC) belum diperolehi?	Boleh dengan memuatnaik borang CP22A sebagai bukti permohonan SPC telah dihantar. SPC perlu diemel ke Seksyen Pasca Perkhidmatan dan Pemisah, JPI sebaik sahaja SPC itu diperolehi.
6.	Saya telah memilih opsyen persaraan untuk bersara wajib pada umur 58 tahun. Bolehkah saya memohon untuk melanjutkan perkhidmatan saya sehingga umur 60 tahun?	Tidak boleh. Opsyen persaraan yang dipilih adalah muktamad.
7.	Saya ingin memohon lesen agen cukai. Adakah LHDNM boleh menyediakan Ringkasan Perkhidmatan (CV) bagi tujuan ini?	Pihak LHDNM tidak menyediakan Ringkasan Perkhidmatan berkenaan. Pegawai adalah dinasihatkan mencetak CV tersebut daripada Modul Maklumat Pegawai yang ada di dalam SPI sebelum pegawai bersara.
8.	Saya mempunyai masalah untuk menggunakan Modul Pemisahan di SPI. Apakah tindakan yang perlu saya ambil dalam masalah ini?	<p>Tindakan yang perlu diambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rujuk Manual Pengguna Modul Pemisah yang disediakan; ii. Hubungi pegawai di Seksyen Pasca Perkhidmatan dan Pemisah; dan iii. Bagi masalah teknikal hubungi; <ul style="list-style-type: none"> - Meja Bantuan SPI JPI MejaBantuanSPI@hasil.gov.my

SOALAN LAZIM
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN WAJIB		
9.	Bilakah Surat Pemakluman Bersara Wajib akan dikemukakan?	<p>i. Surat Makluman Bersara Wajib akan dikemukakan selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh persaraan pegawai tertakluk kepada dokumen lengkap yang dikemukakan oleh Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan.</p> <p>ii. Surat pemakluman tersebut akan dikemukakan secara emel kepada Pegawai melalui Pengarah Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan masing-masing.</p>
10.	Bilakah saya akan memperoleh Surat Persaraan, Sijil Penghargaan Persaraan dan Kad Pesara?	Surat Persaraan, Sijil Penghargaan serta Kad Pesara akan diedarkan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh persaraan pegawai kepada Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan masing-masing, tertakluk kepada dokumen lengkap yang dikemukakan oleh Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan.

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN PILIHAN		
1.	Pegawai memilih opsyen untuk bersara wajib apabila mencapai umur 60 tahun. Bolehkah pegawai memohon untuk bersara pilihan?	<p>Pegawai boleh memohon untuk bersara pilihan jika memenuhi syarat-syarat permohonan bersara pilihan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Berumur 45 tahun ke atas bagi perempuan; atau ii. Berumur 50 tahun ke atas bagi lelaki; dan iii. Telah mencapai genap 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira. <p>Pegawai juga perlu memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Permohonan untuk bersara pilihan perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus LHDNM; ii. Permohonan yang dikemukakan hendaklah lengkap; iii. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pegawai bersara; iv. Pegawai perlu menyelesaikan baki pinjaman dengan LHDNM / Kerajaan; v. Bebas prosiding / siasatan / tindakan tatatertib; dan vi. Tidak terikat dengan ikatan perkhidmatan (<i>bonding</i>) dengan LHDNM.

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN PILIHAN		
2.	Jika pegawai bersara pilihan, adakah bayaran faedah persaraan (STP dan GCR) akan dibayar pada tahun yang sama?	<p>i. Bayaran STP dan GCR akan dibayar pada tahun yang sama sekiranya pegawai bersara pilihan pada tahun bersara wajib. Bayaran akan dibuat selewatnya-lewatnya 14 hari dari tarikh persaraan; atau</p> <p>ii. Sekiranya pegawai bersara pilihan dan bajet bayaran STP dan GCR tidak diperuntukkan, pegawai akan mendapat bayaran STP dan GCR pada tahun berikutnya.</p>
3.	Bolehkah saya memilih tarikh kuatkuasa persaraan pilihan?	Boleh. Pegawai perlu memastikan tarikh persaraan pilihan tidak kurang 3 bulan daripada tarikh pengemukaan borang permohonan persaraan.
4.	Sekiranya pegawai merancang untuk bersara pilihan, adakah terdapat sebarang penetapan tentang tempoh maksimum permohonan melalui modul SPI?	<p>i. Tiada tempoh maksimum ditetapkan;</p> <p>ii. Bagaimanapun, pegawai digalakkan untuk mengemukakan permohonan dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh persaraan pilihan untuk membolehkan peruntukan kewangan bagi bayaran STP dan GCR diunjurkan dan dibayar pada tahun bersara pilihan.</p>
5.	Pegawai telah diluluskan untuk bersara pilihan. Bolehkan pegawai menarik balik kelulusan atau meminda tarikh persaraan yang belum berkuatkuasa?	<p>i. Tarikh persaraan pilihan yang telah diluluskan adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik atau dipinda;</p> <p>ii. Tarikh persaraan pilihan yang belum diluluskan boleh ditarik balik atau dipinda.</p>
6.	Adakah bayaran STP dan GCR yang diterima oleh pegawai yang bersara pilihan sebelum umur 55 tahun dikenakan cukai?	Tidak dikenakan cukai.

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN PILIHAN		
7.	Bilakah Surat Keputusan Bersara Pilihan dikeluarkan?	<p>i. Surat Keputusan Permohonan Bersara Pilihan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima;</p> <p>ii. Surat akan dikemukakan secara emel kepada Pegawai melalui Pengarah Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan masing-masing.</p>
8.	Bilakah saya boleh mendapat Surat Persaraan, Sijil Penghargaan Persaraan dan Kad Pesara?	Tertakluk kepada dokumen lengkap yang dikemukakan oleh Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan, Surat Persaraan, Sijil Penghargaan serta Kad Pesara akan diedarkan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh persaraan pilihan pegawai kepada Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan masing-masing.
9.	Saya mempunyai baki 3 tahun ikatan perkhidmatan (<i>bonding period</i>) untuk berkhidmat dengan LHDNM. Bolehkah saya memohon untuk bersara pilihan?	<p>Boleh, dengan syarat;</p> <p>i. Pegawai perlu memenuhi tempoh ikatan perkhidmatan yang ditetapkan atau membayar gantirugi bagi tempoh perkhidmatan tersebut; dan</p> <p>ii. Permohonan bersara pilihan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus.</p>
10.	Saya mempunyai hutang pinjaman perumahan Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Bolehkah permohonan persaraan pilihan saya diluluskan?	Boleh, dengan syarat pegawai perlu mengemukakan surat pengesahan/persetujuan LPPSA bahawa pegawai bersetuju mengatur dan menyelesaikan sendiri baki pinjaman tersebut dengan pihak LPPSA.

SOALAN LAZIM

PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN PILIHAN		
11.	Bolehkah pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib diluluskan untuk bersara pilihan?	Tidak boleh kerana: i. Pegawai perlu memenuhi syarat bebas daripada prosiding/ tindakan siasatan bagi kes tatatertib untuk dipertimbangkan bersara pilihan; dan ii. Kaedah pemisahan secara bersara pilihan diwujudkan bukan sebagai cara pegawai mengelak daripada dikenakan tindakan tatatertib.

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN		
1.	Apakah syarat yang melayakkan pegawai dibersarakan atas sebab kesihatan?	<p>Syarat yang melayakkan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan; ii. Pegawai disahkan ilat oleh Lembaga Perubatan Kerajaan atau disahkan ilat oleh Jemaah Doktor (Keilatan) PERKESO; dan iii. Diluluskan persaraan atas sebab kesihatan oleh Pihak Berkuasa Melulus.
2.	Bagi pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan, tetapi tidak dapat menghabiskan baki cuti rehat, adakah baki tersebut boleh dibayar sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR)?	<p>Boleh dibayar.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. JPI mempunyai kuasa untuk mengambil kira baki cuti yang tidak dihabiskan oleh pegawai untuk memaksimumkan pengumpulan GCR sebanyak 150 hari; dan ii. JPI boleh melaraskan baki cuti rehat pegawai bagi tujuan pembayaran GCR.
3.	Bagi pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan, pembayaran enam (6) bulan gaji pokok terakhir dibayar oleh JPI atau oleh Jabatan terakhir pegawai?	Pembayaran enam (6) bulan gaji pokok terakhir pegawai akan dibayar oleh Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) terakhir pegawai.
4.	Saya mempunyai baki 3 tahun ikatan perkhidmatan untuk berkhidmat dengan LHDNM (<i>bonding period</i>). Adakah ianya boleh menjejaskan permohonan saya untuk bersara atas sebab kesihatan?	Baki ikatan perkhidmatan dengan LDHNM tidak menjejaskan proses permohonan pegawai untuk bersara atas sebab kesihatan. Walaubagaimanapun penyelesaian baki (3 tahun) ikatan perkhidmatan berkenaan, adalah tertakluk kepada pihak berkuasa melulus.

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN		
5.	Apakah kelayakan yang membolehkan pegawai menerima Cuti Perubatan Khas (CPK)?	<p>Kelayakan Cuti Perubatan Khas (CPK) boleh diterima oleh pegawai dalam situasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai telah menghabiskan cuti bergaji penuh yang berkelayakan; dan ii. Cuti Perubatan Khas boleh dipertimbangkan mulai tarikh keputusan Lembaga Perubatan Kerajaan atau Jemaah Doktor (Keilatan) PERKESO sehingga sehari sebelum tarikh persaraan pegawai yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus.
6.	Adakah pegawai yang belum mencapai umur minimum persaraan dan belum mencukupi tempoh perkhidmatan selama 10 tahun boleh dibersarakan atas sebab kesihatan?	<p>Boleh, sekiranya memenuhi syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan; ii. Pegawai disahkan ilat oleh Lembaga Perubatan Kerajaan atau disahkan ilat oleh Jemaah Doktor (Keilatan) PERKESO; dan iii. Diluluskan persaraan atas sebab kesihatan oleh Pihak Berkuasa Melulus.
7.	Bilakah bayaran STP dan GCR boleh dibayar kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan?	Tertakluk kepada dokumen lengkap yang dikemukakan oleh Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan, bayaran STP dan GCR boleh dibayar dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kuat kuasa persaraan pegawai.
8.	Adakah bayaran 6 bulan gaji kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan tertakluk kepada caruman KWSP?	Tidak. Bayaran 6 bulan gaji merupakan suatu faedah persaraan atas sebab kesihatan dan tidak tertakluk kepada caruman KWSP.

SOALAN LAZIM**PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
PERSARAAN PILIHAN		
9.	<p>Saya telah menerima keputusan Jemaah Doktor Mengenai Keilatan PERKESO yang berkeputusan bahawa saya disahkan ilat. Apakah dokumentasi yang perlu dikemukakan bagi permohonan kelulusan bersara atas sebab kesihata</p>	<p>Permohonan perlu dibuat melalui Modul Pemisahan, di SPI dan dokumen yang perlu dimuatnaik adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Surat Permohonan Pegawai. 2. Laporan Lembaga Perubatan/ Laporan Jemaah Doktor (Keilatan) PERKESO. 3. Borang Faedah Rawatan Perubatan. 4. Salinan Borang Opsyen persaraan. 5. Borang Akuan Berhutang (BAB.SP PPP.18). 6. Cadangan Persaraan Atas Sebab Kesihatan (Lampiran C-1). 7. Perakuan dibersarakan Atas Sebab Kesihatan (Lampiran D). 8. Perakuan Meninggalkan Perkhidmatan (LHDNM/PMP/KLR-01/2019). 9. Penyata Tatatertib (LHDNM/PT1/2019). 10. Borang Kemaskini Profil Pesara JPI/BKP/PP152020/01). 11. Salinan Buku Perkhidmatan terkini yang disahkan. 12. Salinan Kenyataan Cuti mulai berkhidmat hingga sekarang. 13. Slip Gaji 3 bulan terakhir Perkhidmatan. 14. Salinan Kad Pengenalan Pegawai. 15. Salinan Kad Pengenalan pasangan Pegawai yang sah. 16. SPC (Surat Penyelesaian Cukai).

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
BERSARA ATAS SEBAB KEMATIAN		
1.	Adakah waris bagi pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan layak membuat tuntutan bayaran khairat kematian sebanyak RM5,000.00?	Ya, waris bagi pegawai yang memilih opsyen potongan bulanan Tabung Khairat Kematian LHDNM sebanyak RM1.00 layak membuat tuntutan tabung khairat kematian (TKK).
2.	Bagi pegawai yang meninggal dunia selepas bersara adakah warisnya layak menuntut bayaran TKK?	<p>i. Layak sebanyak RM3,000.00 bagi pesara yang telah mencarum TKK semasa dalam perkhidmatan;</p> <p>ii. Tidak layak bagi pesara yang tidak mencarum TKK semasa dalam perkhidmatan.</p>
3.	Adakah waris bagi pesara yang meninggal dunia selepas bersara layak menuntut Bayaran Pengurusan Jenazah sebanyak RM3,000.00?	Tidak layak. Bayaran Pengurusan Jenazah hanya layak bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.
4.	Siapakah waris yang boleh dilantik sebagai pemegang amanah untuk menerima faedah dan manfaat persaraan bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan?	<p>“Waris” bermaksud:</p> <p>i. balu atau duda;</p> <p>ii. anak;</p> <p>iii. ibu kandung atau ibu angkat yang sah di sisi undang-undang kepada pegawai yang meninggal dunia atau sekiranya ibu telah meninggal dunia, bapa kandung atau bapa angkat yang sah di sisi undang-undang; atau</p> <p>iv. adik beradik atau saudara terdekat yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai wakil pemegang amanah kepada gemulah; dan</p> <p>v. Waris hendaklah mengisi dan melengkapkan Surat Akuan Sumpah sebagai waris sebelum boleh menerima apa-apa bayaran faedah persaraan.</p>

SOALAN LAZIM		
PENGURUSAN PERSARAAN, MANFAAT & KEMUDAHAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
BERSARA ATAS SEBAB KEMATIAN		
5.	Bilakah bayaran STP dan GCR akan dibuat kepada waris bagi pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan?	Tertakluk kepada dokumen lengkap yang dikemukakan oleh Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan bayaran STP dan GCR akan dibayar kepada waris dalam tempoh 60 hari dari tarikh pegawai meninggal dunia.
6.	Sekiranya seorang pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan dan mempunyai baki cuti rehat yang tidak sempat dihabiskan dan tidak dikumpulkan untuk Gantian Cuti Rehat, adakah cuti rehat berkenaan akan dilupuskan?	Tidak. Baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan oleh pegawai yang meninggal dunia akan diambil kira bagi bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) terhad maksimum 150 hari.
7.	Adakah STP dan GCR pegawai / gemulah akan dibayar kepada waris-waris secara hukum faraid bagi situasi pegawai yang beragama Islam?	Tidak. JPI akan membayar kepada seorang waris sahaja sebagai pemegang amanah untuk menguruskan pembahagian faedah persaraan kepada waris-waris lain yang sah yang ditinggalkan oleh pegawai / gemulah. Layanan ini juga terpakai kepada waris bagi gemulah yang bukan beragama Islam.
8.	Adakah gaji dan elaun yang diterima oleh pegawai / gemulah bagi hari perkhidmatan yang belum diberikan perlu dipulangkan oleh waris kepada LHDNM atau ditolak dari faedah persaraan pegawai / gemulah?	Gaji dan elaun yang diterima bagi hari yang mana perkhidmatan belum diberikan oleh pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan tidak akan dituntut oleh LHDNM. LHDNM membayar gaji dan elaun sebulan penuh bagi bulan pegawai meninggal dunia, tidak terikat kepada bilangan hari pegawai berkhidmat.

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN (WAJIB/ PILIHAN/ ATAS SEBAB KESIHATAN/ ATAS SEBAB KEMATIAN)		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah kategori perkhidmatan yang tidak boleh dimasukkan kira untuk pengiraan STP?	Kategori perkhidmatan yang tidak boleh dimasukkan kira ialah: i. Perkhidmatan berstatus sandaran; ii. Perkhidmatan kontrak; iii. Perkhidmatan sangkut; dan iv. Perkhidmatan sambilan.
2.	Adakah tempoh perkhidmatan sementara boleh dimasukkan kira sebagai tempoh bagi bayaran STP?	Ya. Tempoh Perkhidmatan sementara adalah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi bayaran STP.
3.	Adakah LHDNM membenarkan pembayaran faedah persaraan kepada institusi selain akaun pesara atau waris?	LHDNM tidak membenarkan faedah persaraan dibayar kepada pihak lain. Pembayaran (secara EFT) mestilah ke dalam akaun bank pesara atau waris pesara sahaja.
4.	Adakah bayaran GCR dan STP dipotong caruman KWSP?	Bayaran GCR akan dipotong caruman KWSP manakala bayaran STP tidak dipotong caruman KWSP.
5.	Adakah tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) boleh dimasukkan kira sebagai tempoh bagi pengiraan/ bayaran STP?	Ya. Tempoh CBBP adalah tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira sebagai tempoh bagi pengiraan/ bayaran STP.
6.	Adakah tempoh Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) boleh dimasukkan kira sebagai tempoh bagi pengiraan STP?	Ya, dengan syarat mendapat surat tawaran belajar dengan pernyataan tempoh CBTG berkenaan dimasukkan kira bagi pengiraan faedah persaraan.

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN (WAJIB/ PILIHAN/ ATAS SEBAB KESIHATAN/ ATAS SEBAB KEMATIAN)		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Bagi pesara yang mempunyai kes lucut hak emolumen, adakah bayaran balik boleh dibuat melalui bayaran STP?	Boleh. Bayaran balik akan dikutip melalui bayaran STP supaya pesara tidak lagi mempunyai hutang piutang dengan LHDNM.
8.	Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat sebarang kenaikan pangkat dan kenaikan gaji tahunan selepas pengemukaan dokumen bayaran faedah persaraan?	Pegawai / Bakal pesara perlu memastikan Jabatan terakhir mengemukakan kenyataan perkhidmatan yang telah dikemaskini ke Seksyen Pasca Perkhidmatan JPI bagi tujuan pengiraan faedah persaraan yang tepat.
9.	Bolehkah pesara mendapatkan Lembaran Pengiraan STP dan GCR?	Boleh. Pesara perlu menghubungi Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan atau menghubungi Seksyen Pasca Perkhidmatan dan Pemisah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Insan.
10.	Sekiranya Surat Penyelesaian Cukai (SPC) menunjukkan tunggakan cukai pendapatan, bolehkah bayaran tersebut dibuat dengan memotong daripada bayaran STP saya?	Boleh. Pegawai perlu mengemukakan surat permohonan atau surat kebenaran bagi memotong bayaran cukai tersebut daripada bayaran STP.
11.	Adakah tempoh latihan kadet boleh dimasukkan kira sebagai tempoh bagi bayaran STP?	Tidak boleh. Tempoh perkhidmatan yang tidak dibayar gaji dan hanya dibayar elaun tidak dimasukkan kira dalam pengiraan faedah persaraan.
12.	Saya mempunyai hutang pinjaman perumahan dengan LPPSA. Bolehkah hutang tersebut ditolak daripada bayaran STP?	Tidak boleh. Hutang pinjaman perumahan tersebut perlu diselesaikan sendiri oleh Pegawai/Pesara.

MANFAAT DAN KEMUDAHAN PERSARAAN (WAJIB/ PILIHAN/ ATAS SEBAB KESIHATAN/ ATAS SEBAB KEMATIAN)		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Apakah yang menyebabkan bayaran STP saya kurang daripada pengiraan asal di Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan?	<p>Pengurangan bayaran adalah disebabkan oleh pengiraan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira untuk bayaran faedah persaraan yang tidak tepat.</p> <p>Selain itu, pengurangan bayaran STP juga disebabkan oleh perkara berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran gaji yang terlebih bayar; ii. Pinjaman dengan LHDNM yang belum dilunaskan; iii. Bayaran nafkah yang dituntut oleh mahkamah; iv. Bayaran tuntutan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia; dan v. Lain-lain bayaran (sekiranya ada).
14.	Bilakah dokumen faedah persaraan perlu dihantar kepada Jabatan Pengurusan Insan bagi pegawai yang bersara wajib?	Dokumen faedah persaraan perlu dikemukakan kepada Jabatan Pengurusan Insan dua (2) bulan sebelum tarikh kuat kuasa persaraan pegawai. Dokumen <i>hardcopy</i> perlu dihantar kepada JPI.

KAD PESARA		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah tujuan Kad Pesara LHDNM dikeluarkan?	Kad Pesara LHDNM dikeluarkan sebagai dokumen pengenalan diri Pesara LHDNM untuk menikmati kemudahan yang disediakan oleh LHDNM.
2.	Saya telah bersara tetapi masih belum menerima Kad Pesara. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan Kad Pesara berkenaan?	Mulai tahun 2021, Kad Pesara edisi baharu telah diperkenalkan. Bagi pesara yang belum mendapat Kad Pesara baharu, permohonan boleh dibuat melalui saluran berikut: i. Portal Pesara Hasil di https://pesara.hasil.gov.my/ ; atau ii. Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan terakhir.
3.	Adakah saya boleh mengemukakan gambar berukuran passport yang berlatar belakang berwarna putih?	Boleh. Bakal pesara perlu mengemukakan gambar berukuran passport yang terkini dan memastikan gambar profil di SPI adalah yang terkini.
4.	Bagaimanakah cara atau prosedur penggantian kad pesara yang hilang?	Permohonan/ penggantian Kad Pesara boleh dibuat dengan tindakan berikut: i. Permohonan <i>online</i> melalui Laman Rasmi Portal Pesara Hasil; ii. Mengisi borang Kemaskini Profil Pesara (JPI/BKP/PP152020/01); iii. Kemukakan kepada penempatan terakhir atau terus ke Seksyen Pasca Perkhidmatan JPI; dan iv. Berserta resit bayaran berjumlah RM20.00 yang diremitkan ke Akaun Hasil (CIMB Bank: Nombor Akaun 8000767180).
5.	Adakah Kad Pesara LHDNM akan dibekalkan kepada pasangan pesara LHDNM?	Tidak. Satu (1) Kad pesara diedarkan untuk kegunaan Pesara dan pasangan. Pesara akan diberikan lebih dari satu kad sekiranya mempunyai lebih dari satu pasangan dan layak bagi pasangan yang dikahwini semasa dalam perkhidmatan sahaja.

KAD PESARA		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Adakah Kad Pesara LHDNM diterima di semua Hospital Kerajaan dan Hospital Universiti?	Kad Pesara LHDNM boleh diterima dan digunakan sebagai Surat Jaminan untuk: i. Kemasukan ke wad di Hospital Kerajaan dan Hospital Universiti; dan ii. Mendapatkan rawatan pesakit luar di Klinik Kerajaan iaitu premis kesihatan yang diselia sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
7.	Apakah yang perlu saya lakukan jika Hospital Kerajaan/Hospital Universiti tidak menerima Kad Pesara LHDNM?	Pesara perlu mendapatkan Surat Jaminan LHDNM di Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan terakhir pesara atau melalui laman rasmi Portal Pesara (eGL).
8.	Adakah pasangan pesara yang dikahwini selepas pegawai bersara berserta tanggungan layak mendapat kemudahan Kad Pesara LHDNM?	Pasangan yang dikahwini selepas bersara berserta tanggungan tidak layak mendapat kemudahan Kad Pesara.
9.	Adakah Kad Pesara LHDNM boleh digunakan untuk kemasukan ke wad bagi pasangan pesara (dikahwini semasa dalam perkhidmatan)?	Kad Pesara boleh digunakan oleh pasangan untuk kemasukan ke wad dan mendapatkan rawatan perubatan di Hospital Kerajaan tanpa menggunakan Surat Jaminan LHDNM.
10.	Adakah kemudahan Kad Pesara LHDNM boleh digunakan untuk kemasukan ke wad bagi anak pesara?	Anak pesara tidak boleh menggunakan kemudahan kad pesara. Walau bagaimanapun anak yang layak boleh mendapatkan kemudahan rawatan dan kemasukkan ke wad dengan menggunakan Surat Jaminan LHDNM.

KAD PESARA		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Adakah Kad Pesara tidak diterima di Klinik Panel LHDNM kerana saya telah ke Klinik Panel LHDNM dan diminta mengemukakan Kad Pengenalan.	Kad Pesara diterima sebagai pengenalan diri pesara untuk mendapatkan rawatan di Klinik Panel LHDNM. Walau bagaimanapun terdapat Klinik Panel yang meminta pesara mengemukakan Kad Pengenalan sebagai pengesahan tambahan.
12.	Apakah tanggungjawab pemegang Kad Pesara?	<p>Tanggungjawab pemegang kad pesara adalah menyerahkan Kad Pesara tersebut atau memaklumkan kepada Seksyen Pasca Perkhidmatan dan Pemisah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Insan atau ke Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan terakhir pesara sekiranya berlaku:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pesara telah meninggal dunia; ii. Pasangan pesara telah meninggal dunia; iii. Perubahan maklumat seperti pertukaran alamat, status perkahwinan; atau iv. Kehilangan kad disebabkan oleh kecurian / kecuaiian / bencana alam atau lain-lain.

TUNTUTAN PERUBATAN		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Siapakah yang layak memohon tuntutan perubatan?	<ul style="list-style-type: none"> i. Pesara LHDNM; ii. Ahli keluarga yang layak iaitu pasangan yang dikahwini semasa dalam perkhidmatan dan anak yang berumur di bawah 18 tahun atau yang masih belajar di Institusi Pengajian Tinggi sehingga Sarjana Muda di bawah umur 21 tahun; dan iii. Anak-anak daif yang disebabkan oleh kelemahan akal atau jasmani.
2.	Apakah kemudahan perubatan yang boleh dituntut?	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembekalan ubat; ii. Pembekalan alat bantuan perubatan; iii. Rawatan buah pinggang; iv. Rawatan kepakaran di hospital swasta; v. Rawatan kecemasan di hospital swasta; vi. Rawatan kemandulan; vii. Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN); dan viii. Rawatan di Luar Negeri.
3.	Bagaimanakah tuntutan perubatan boleh dibuat?	<p>Tuntutan perubatan boleh dibuat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tuntutan melalui Laman Rasmi Portal Pesara Hasil; ii. Pesara perlu mendapatkan rawatan di hospital atau klinik kerajaan dan mendapat perakuan atau pengesahan pegawai atau pakar perubatan; dan iii. Pesara perlu mengisi Borang Perubatan yang berkaitan berserta dokumen tuntutan perubatan (surat permohonan, bil rawatan, resit, invoice, sebut harga dan sebagainya).
4.	Adakah pesara dan keluarga pesara layak mendapatkan kemudahan rawatan di Klinik Panel LHDNM?	Layak bagi pesara sahaja. Keluarga pesara tidak layak mendapatkan kemudahan rawatan di Klinik Panel LHDNM.

SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP)		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah Sijil Simpanan Premium (SSP) sempena Persaraan diberikan kepada pesara?	SSP akan diberikan semasa; i. Majlis Persaraan Pegawai yang diadakan pada setiap tahun; atau ii. Bagi pesara yang tidak hadir ke Majlis Persaraan, SSP akan dikemukakan kepada Unit Pentadbiran Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan terakhir pesara.
2.	Adakah waris bagi pegawai yang meninggal dunia dan dibersarakan atas sebab kematian layak menuntut cenderahati SSP?	Tidak layak. SSP merupakan suatu cenderahati yang hanya diberikan kepada pegawai yang bersara wajib, bersara pilihan dan bersara atas sebab kesihatan.

Disediakan oleh:
 Seksyen Pasca Perkhidmatan & Pemisah
 Bahagian Khidmat Pengurusan
 Jabatan Pengurusan Insan
 November 2021